



PERATURAN-PERATURAN TABUNG ANGKATAN TENTERA
(PENGENDALIAN DAN PEMBAYARAN BALIK CARUMAN
BAGI AKAUN DORMANT) 2009

Selaras dengan Peraturan di atas yang berkuatkuasa pada 2 Mac 2009, pencarum-pencarum sukarela hendaklah memastikan akaun caruman masing-masing sentiasa aktif dengan menyemak penyata gaji bulanan dan memastikan potongan caruman dimajukan ke LTAT secara bulanan.

Akaun pencarum-pencarum sukarela LTAT yang tidak aktif di mana tiada caruman bulanan diterima oleh LTAT bagi tempoh satu tahun akan diklasifikasikan sebagai akaun dormant. Akaun-akaun dormant ini akan diasingkan dan tidak lagi layak menerima dividen, bonus dan faedah-faedah lain dari LTAT.

Pembayaran balik caruman bagi akaun dormant akan dibuat kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 sekiranya masih tiada tuntutan dibuat di dalam tempoh 2 tahun berikutnya.

Bagi maklumat lanjut, sila layari laman web LTAT di www.ltat.org.my

LEMBAGA TABUNG ANGGARAN TENTERA

PANDUAN PENCARUM

1. Caruman minimum bulanan mestilah tidak kurang daripada RM25.00 dan tidak melebihi had caruman maksimum RM2,000.00 dan hendaklah dikenakan ke angka RM5.00 yang berdekatan.
2. Sebarang potongan/perubahan kadar caruman hendaklah dimaklumkan kepada LTAT sebelum 15 haribulan setiap bulan.

Contoh : Arahan potongan caruman untuk gaji bulan April, permohonan hendaklah dibuat dan sampai ke LTAT sebelum 15 haribulan Mac.

3. Pencarum Sukarela boleh mengeluarkan simpanan mereka pada bila-bila masa dan LTAT memberi kelonggaran kepada Pencarum Sukarela untuk menjadi ahli bagi kali kedua, walaupun telah membuat pengeluaran caruman kali pertama.
4. Borang Permohonan Caruman Sukarela yang lengkap diisi boleh dihantar melalui kaunter LTAT atau pos ke alamat berikut:

Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera Tingkat 2 Bangunan LTAT Jalan Bukit Bintang 55100 KUALA LUMPUR (Untuk Perhatian : Jabatan Urusan Pencarum)	
Talian Bebas Tol	1 - 300 - 88 - 5828
Laman Web	www.ltat.org.my

5. Borang yang dihantar melalui faksimili tidak akan diproses.
6. Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Suhaimi Mat Arshad, Pegawai Kanan Urusan Pencarum, di talian 21489777 samb. 318.

